

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah baik fasiliti kesihatan (hospital dan klinik kesihatan) di Sabah dan mewujudkan lebih banyak makmal kesihatan khususnya pasca Covid-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha menambah baik kemudahan kesihatan di seluruh negara Malaysia termasuk di negeri Sabah. Usaha-usaha menambah baik ini meliputi pembinaan fasiliti baru dan menaiktaraf fasiliti sedia ada. Sehubungan itu, **sebanyak 6 projek telah siap dalam Rancangan Malaysia Ke-11** iaitu:

- a. Menaik taraf Dewan Bedah dan Hemodialisis Hospital Papar, Sabah dengan kos sebanyak **RM11.09 juta**;
- b. Menaiktaraf Sistem Penghawa Dingin Hospital Sipitang, Sabah dengan kos sebanyak **RM5.85 juta**;
- c. Penggantian Lif di Blok Pakar Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Sabah dengan kos sebanyak **RM1.625 juta**;

SOALAN NO : 49

- d. Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 4 Dengan X-Ray dan Kuarters di Nabawan, Sabah (Skop Kuarters sahaja) dengan kos sebanyak **RM19.38 juta**;
- e. Pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 4 dengan Kuarters di Telupid Beluran, Sabah dengan kos sebanyak **RM42.19 juta**; dan
- f. Pembinaan Kuarters Hospital Semporna, Sabah dengan kos sebanyak **RM7.62 juta**.

2. Selain itu, **terdapat 19 projek yang sedang dalam pelbagai fasa pelaksanaan**. Antaranya, 9 projek di peringkat awal pelaksanaan iaitu 3 projek naik taraf di hospital dan 6 projek pembinaan klinik kesihatan dan kuarters baru. Manakala, 10 projek di fasa pelaksanaan iaitu 7 projek naik taraf di hospital, 1 pembinaan pusat pakar pergigian dan 2 projek pembinaan kuarters bagi hospital. Usaha menambah baik failiti kesihatan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia yang akan datang berdasarkan keutamaan dan tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

3. Buat masa ini, terdapat **dua (2) buah makmal kesihatan sedang dibangunkan di negeri Sabah iaitu sebuah Makmal Molekular di Tawau dan sebuah Makmal Modular di Lahad Datu bagi membolehkan ujian pengesanan COVID-19 secara Reverse Transcription Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dijalankan**. Kedua-dua makmal ini dijangka akan dapat disiapkan dalam masa yang terdekat dengan kemampuan kapasiti sebanyak 200 sampel ujian COVID-19 sehari.

Sekian, terima kasih.